

JABATAN PENGURUSAN HARTANAH
FAKULTI SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

“ PENGURUSAN ZAKAT NEGERI JOHOR ”

**Satu Projek Yang Disediakan Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Untuk Penganugerahan**

SARJANA MUDA (KEPUJIAN) PENGURUSAN HARTANAH

DISEDIAKAN OLEH
TAHUN AKADEMIK

MOHAMAD ANDREI TAN BIN BIBIT
JULAI 1998 – MEI 2000

PENGHARGAAN

Segala Puji-pujian dan Syukur ke hadrat Allah s.w.t serta Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang dengan segala anugerah dan limpah kurniaNya. Selawat dan salam kepada Junjungan Besar, Nabi Muhammad s.a.w. Syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan inayahNya maka Projek Tahun Akhir (PTA) ini berjaya disempurnakan dengan jayanya bagi memenuhi syarat penganugerahan Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Hartanah.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia PTA ini, Puan Fadilah Bte. Mohd Taufek di atas segala bimbingan dan sokongan penuh beliau dalam membantu saya merealisasikan PTA ini. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih ditujukan kepada Puan Hajjah Raihan bt. Saad, Koordinator PTA kerana telah memberikan tunjuk ajar yang berguna dalam menjayakan dissertasi ini.

Kepada kakitangan Bahagian Zakat dan Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Johor terutamanya Ustaz Mansur Bin Sulaiman, Puan Abidah Bte Othman dan Encik Isfareen Bin Mohamad, ucapan terima kasih juga diucapkan kerana telah sudi meluangkan masa membantu saya dalam menyiapkan PTA ini. Tidak lupa juga ditujukan terima kasih ini kepada Ustaz Mujaini Bin Tarimin daripada Pusat Pendidikan Islam di atas bantuan dan nasihat yang diberikan kepada saya dalam menjayakan projek ini.

SINOPSIS PROJEK TAHUN AKHIR

1.0 OBJEKTIF.

Projek Tahun Akhir ini disediakan bertujuan untuk meninjau mengenai status pengurusan dan pelaburan harta zakat yang dibuat oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Secara umumnya, jentera pentadbiran untuk Majlis Agama Islam bagi setiap negeri di Malaysia diserahkan menurut kehendak negeri masing-masing sebagaimana yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu tiada keseragaman untuk pentadbirannya di seluruh Malaysia. Oleh yang demikian penulis cuba untuk mengkaji mengenai bagaimanakah Majlis Agama Islam Negeri Johor menjalankan pengurusan dan pentadbiran khususnya dalam wang zakat.

Kajian juga dibuat terhadap permasalahan yang dihadapi dalam menguruskan zakat berkenaan. Penelitian juga dibuat samada zakat tersebut dilaburkan ke mana-mana institusi yang boleh mendatangkan keuntungan kepada seluruh masyarakat Islam untuk meningkatkan pembangunan umat Islam di negeri Johor. Diakhir kajian penulis akan membuat cadangan-cadangan yang boleh membantu Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam mengemaskinikan sistem pengurusan dan pelaburan zakat.

Secara khususnya, objektif kajian ini dapatlah digariskan seperti yang berikut :

- a) Mengkaji sistem pemungutan dan pengagihan zakat dalam Majlis Agama Islam Negeri Johor.
- b) Mengenalpasti permasalahan yang timbul dari sistem yang sediada.

DAFTAR KANDUNGAN	Mukasurat
MUKASURAT JUDUL	i
MAKLUMAN	ii
PENGHARGAAN	iii
SINOPSIS PROJEK TAHUN AKHIR	v
DAFTAR KANDUNGAN	ix
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
 BAB SATU PENGENALAN KEPADA ZAKAT.	
1.0 PENDAHULUAN.	1
1.1 ZAKAT.	3
1.1.1 Definisi.	3
1.1.2 Dalil Wajib Zakat.	6
1.1.2.1 Dalil Al Quran.	6
1.1.2.2 Dalil Al Hadis.	7
1.1.2.3 Dalil Ijma'.	8
1.2 JENIS-JENIS ZAKAT.	9
1.2.1 Zakat Fitrah.	
1.2.2 Zakat Harta.	
1.2.2.1 Zakat Emas dan Perak.	11
1.2.2.1.1 Syarat-syarat Wajib Zakat Emas dan Perak.	
1.2.2.1.2 Kadar Zakat yang Wajib Dikeluarkan.	
1.2.2.2 Zakat Wang Simpanan.	14
1.2.2.2.1 Dalil Wajib Zakat Wang Simpanan.	
1.2.2.2.2 Syarat-Syarat Wajib Zakat Wang Simpanan.	
1.2.2.3 Zakat Tanam-tanaman (Biji-bijian).	18
1.2.2.3.1 Dalil Biji-bijian dan Buah-buahan Wajib Zakat.	
1.2.2.3.2 Syarat-syarat Zakat Tanam-tanaman (Biji- bijian).	
1.2.2.4 Zakat Hasil Perdagangan (Perniagaan).	21

BAB SATU

PENGENALAN KEPADA ZAKAT

1.0 PENDAHULUAN.

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang dibina saling berkait antara satu dengan lain bagi mewujudkan sebuah masyarakat maju yang komited dengan perancangan Syariah Illahi. Zakat dalam apa pengertian dan penaksiran sekalipun, merupakan ibadah khusus yang mempunyai kaitan yang rapat dengan edaran ekonomi dan kehidupan ummah serta menjadi jentera penggerak pembangunan masyarakat Islam. Malah zakat adalah ketetapan Illahi untuk mempastikan urusan ekonomi dan pemilikan harta umat manusia tidak dibekukan dan dimonopoli oleh satu golongan tertentu sahaja. Segala pemberian yang telah dikurniakan oleh Allah itu hendaklah dinikmati bersama menurut perintah Syariah.

Persoalan zakat bukanlah topik yang asing bagi masyarakat Islam di Malaysia. Malah ianya telah menjadi urusan utama bagi setiap individu kerana ia juga merupakan salah satu daripada rukun Islam. Kewajipan berzakat telah ditetapkan sejak zaman Rasulullah ketika baginda berada di Mekah. Walau bagaimanapun perintah wajib tersebut hanyalah secara umum iaitu tidak diterangkan jenis-jenis hartabenda yang diwajibkan zakatnya dan jumlah yang wajib dikeluarkan.¹

Zakat - Sedekah dan Khairat, Syeikh Abdullah Biasmih, Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, 1984.